

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 JULAI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 37

AHTV dibangunkan DRB-Hicom-Geely mampu tingkat KDNK negara

AHTV dibangunkan DRB-Hicom, Geely mampu tingkat KDNK negara

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Automotive High Tech Valley (AHTV) yang akan dibangunkan oleh DRB-Hicom dan Geely dilihat sebagai pemacu utama bagi pelabur automotif yang sedang mempertimbangkan untuk terus mendapatkan rantaian bekalan serantau atau global mereka.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, AHTV juga berperanan sebagai pemain utama ke arah meningkatkan sumbangan sektor automotif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara daripada RM64.5 bilion tahun lalu kepada RM104.2 bilion menjelang 2030.

Justeru, katanya, kerajaan menawarkan pakej insentif yang menarik, termasuk pengecualian cukai untuk pembangunan tanah, pembuatan alat ganti dan komponen dan penubuhan pusat penyelidikan serta institusi pendidikan.

"Pasaran kenderaan elektrik (EV) Asia-Pasifik bernilai hampir AS\$230 bilion pada 2021 dan dijangka mencecah kira-kira AS\$778 bilion pada 2027, me-



TENGGU Zafrul berucap ketika Majlis Konvensyen Pelabur dan Vendor Global AHTV di sini, semalam.

wakili Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 19.1 peratus untuk tempoh 2022-2027.

"Selanjutnya, elektrifikasi besar-besaran daripada sektor automotif dan daripada industri pembuatan Malaysia sesuai dengan inisiatif Alam Sekitar,

Sosial dan Urus Tadbir (ESG) dan agenda sifar bersih bukan sahaja Malaysia, tetapi juga rantau ini.

Ringkasnya, terdapat banyak peluang untuk pelabur dalam sektor automotif Malaysia dan saya secara peribadi berharap lebih banyak projek akan terhasil daripada majlis hari ini," katanya

dalam ucapan Majlis Konvensyen Pelabur & Vendor Global AHTV 2023, di sini semalam.

Dalam mendapatkan pelabur menyokong agenda ESG rantau ini, beliau menekankan bahawa Malaysia sudah pun menjadi hab pembuatan elektrik dan elektronik (E&E) utama di Asia

Tenggara.

"Oleh itu, pembuat kereta dan pelabur automotif boleh memanfaatkan kapasiti ini dengan lancar untuk menjamin rantaian bekalan mereka bagi mengembangkan pengeluaran Kenderaan Generasi Seterusnya (NxGVs)," ujarnya.

DRB-Hicom dan Geely bekerjasama untuk membina hab masa depan Malaysia untuk NxGX di Tanjung Malim, selepas pemeteraian Dasar Utama Perjanjian (HOA) pada 1 April antara kedua-dua syarikat itu untuk membangunkan AHTV.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan, DRB-Hicom dan Pengerusi Proton, Syed Faisal Albar berkata, persidangan itu mempamerkan kemajuan yang dicapai di tapak projek, ketersediaan insentif kerajaan dan prospek untuk syarikat menubuhkan perniagaan baharu di AHTV, yang dijangka akhirnya akan menjadi sebuah bandar automotif bersepadu.

Ujarnya, apabila direalisasikan sepenuhnya, AHTV akan menjadi pusat penyelidikan berasaskan tropika yang diiktiraf di peringkat global dan pembangunan komponen automotif berteknologi tinggi.